



25 Mei 2015
25 May 2015
P.U. (A) 96

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2015

FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG
(PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Mei 2015.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Menteri Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Menteri Pemodenan Pertanian Sarawak”.

Pindaan peraturan 35

3. Peraturan 35 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “lima belas” dengan perkataan “tujuh belas”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Bilangan ahli Jemaah Pengarah yang boleh dilantik oleh Menteri hendaklah tidak melebihi—

(a) empat orang bagi Pertubuhan Peladang Kawasan;